Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 4, Issue 1, (page 82 - 90), 2019



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 1, January 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Kecenderungan Gaya Pembelajaran Murid Dalam Mata Pelajaran Sejarah: Satu Kajian Awal

M. Kaviza[1]
[1]Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Correspondence: M. Kaviza (kavizakaviza@yahoo.com)

Abstrak

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis kecenderungan gaya pembelajaran dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah, di samping untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan ciri demografi iaitu jantina, tahap pencapaian, aliran pelajaran dan lokasi sekolah. Kajian ini melibatkan seramai 521 orang murid Tingkatan Empat dari sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia melalui teknik persampelan rawak mudah. Instrumen kajian ini merupakan *Perceptual Learning Style preferences Questionnaire* yang diadaptasi, disahkan pakar penilai dalam bidang sejarah serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t sampel tak bersandar melalui perisian *IBM SPSS*. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa gaya pembelajaran fisiologikal iaitu gaya auditori, manakala gaya pembelajaran sosiologikal iaitu gaya berkumpulan merupakan gaya pembelajaran yang dominan yang diamalkan dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah. Tambahan pula, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa min kecenderungan gaya pembelajaran adalah berbeza secara signifikan berdasarkan ciri demografi iaitu tahap pencapaian, aliran pelajaran dan lokasi sekolah. Namun begitu, jantina didapati tidak mempengaruhi min kecenderungan gaya pembelajaran dalam kajian ini. Implikasi kajian ini telah menyediakan sumber maklumat kepada guru-guru sejarah dan pihak PPK dan JPN untuk merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah dengan mengambil kira aspek gaya pembelajaran yang dominan diamalkan dalam kalangan murid agar proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang bermakna dapat diwujudkan.

Kata kunci: gaya pembelajaran, mata pelajaran sejarah, demografi murid

Students Preference of Learning Style in History Subjects: A Preliminary Study

Abstract

The purpose of this survey study is to identify the type of student learning style preferences in history subjects, as well to identify whether there are significantly mean differences of learning style on student demographic aspects such as gender, achievement level, subject stream and school location. This study involved a total 521 form four students from a state of north peninsular of Malaysia through simple random sampling technique. This adapted Perceptual Learning Style Preferences Questionnaires which are validated by the content expert matters and have a good reliability values are the research instrument in this study. The data of this study were analyzed descriptively and inferred such as independent sample-t test through IBM SPPS software. The findings of this study indicated that the history student preferences learning style is auditory style for physiological dimension and

collaborative style for sociological dimension. Furthermore, the findings also showed that there are significantly mean differences between learning style and student demographic aspects such as achievement level, subject stream and school location. Therefore, the findings also reported that there are no significant mean differences in learning style among male and female history students. Essentially, the findings can be used by the State of Education Department, the Curriculum Development Center and the history teachers to redesign the implementation of meaningful history teaching and learning process by taking account of the student learning styles aspects.

Keywords: learning styles, history subjects, student demographic

Pengenalan

Kepentingan gaya pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran telah ditekankan oleh ahli-ahli akademik yang mempunyai kaitan dengan personaliti dan cara belajar. Hal ini kerana melalui gaya pembelajaran membolehkan murid-murid untuk menerima dan memproses maklumat dalam pelbagai cara yang berbeza-beza (Noriati A Rashid, Boon & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, 2009). Oleh kerana terdapat pelbagai teori yang berkaitan dengan gaya pembelajaran, maka penekanan perlu diberikan kepada sebanyak mana murid belajar dan memperoleh pengalaman pembelajaran adalah bergantung kepada jenis gaya pembelajaran yang diamalkan. Sehubungan dengan itu, mata pelajaran sejarah yang merupakan mata pelajaran teras telah menimbulkan keperluan kepada pelaksanaan proses pembelajaran yang bersepadu yang berkesan bagi menghasilkan pencapaian pembelajaran yang baik dengan memfokuskan kepada gaya pembelajaran murid (Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2003). Hal ini kerana kepelbagaian gaya pembelajaran murid mempunyai pengaruh dengan pencapaian akademik seperti dilaporkan dalam kajian-kajian lepas (Siti Wahida Awang & Siti Shahwaliah Su'ut, 2016; Rozalina et al, 2013; Marina & Suwattanah, 2018). Idea ini adalah selaras dengan pendapat McLaughlin, (1999) yang telah menjelaskan bahawa perbezaan individu murid terhadap kecekapan proses pengajaran dan pembelajaran adalah dipengaruhi oleh aspek pemikiran, tindak balas, kecenderungan, dan sebagainya. Tambahan pula, menurut Dunn dan Dunn, (1978), setiap individu mempunyai kekuatan yang tersendiri yang telah menyarankan guru-guru untuk memahami konsep gaya pembelajaran dan jenis-jenis gaya pembelajaran bagi mengubahsuaikan persekitaran pengajaran dan pendekatan pengajaran sedia ada.

Oleh kerana gaya pembelajaran adalah ditentukan dengan menggunakan pendekatan pemprosesan maklumat dan persekitaran pembelajaran (Curry, 1983), maka dalam kajian ini gaya pembelajaran ditentukan dengan menggunakan pendekatan kecenderungan pengajaran dan persekitaran yang menjelaskan gaya pembelajaran individu adalah dipengaruhi oleh rangsangan untuk menganggap, berinteraksi dan bertindak balas terhadap persekitaran pembelajaran. Justeru, rangsangan gaya pembelajaran jenis fisiologikal dan sosiologikal digunakan dalam kajian seperti yang disarankan oleh Reid, (1985) dalam inventori pembelajaran. Kecenderungan rangsangan fisiologikal iaitu merujuk kepada empat gaya visual (melihat), gaya auditori (mendengar), gaya kinestetik (pergerakan) dan gaya taktil (merasa), manakala kecenderungan rangsangan sosiologikal pula merujuk kepada jenis gaya pembelajaran yang dikenal pasti sama ada murid-murid lebih cenderung untuk belajar secara bersendirian ataupun secara berkumpulan. Sungguhpun begitu, gaya pembelajaran yang diamalkan oleh murid-murid yang mengambil mata pelajaran sejarah masih belum diketahui lagi sehingga hari ini yang telah mencadangkan terdapat suatu keperluan untuk meninjau jenis gaya pembelajaran yang dominan diamalkan dalam kalangan murid semasa mereka mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam kelas Maka, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis kecenderungan gaya pembelajaran dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah, di samping untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan ciri demografi iaitu jantina, tahap pencapaian, aliran pelajaran dan lokasi sekolah.

Objektif Kajian dan Soalan Kajian

Objektif kajian ini ialah:

i. Mengenal pasti jenis kecenderungan gaya pembelajaran dari aspek fisiologikal dan sosiologikal dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah.
ii. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan ciri-ciri demografi (jantina, tahap pencapaian, aliran pelajaran dan lokasi sekolah)

Soalan kajian ini ialah:

i. Apakah jenis kecenderungan gaya pembelajaran dari aspek fisiologikal dan sosiologikal dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah?
ii. Adakah terdapat perbezaan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan jantina?
iii. Adakah terdapat perbezaan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan tahap pencapaian?
iv. Adakah terdapat perbezaan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan aliran pelajaran?
v. Adakah terdapat perbezaan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan lokasi sekolah?

Hipotesis Kajian

Bagi menjawab soalan kajian 2 hingga 5, maka empat hipotesis nul (H_o) telah dibentuk iaitu:

H_{o1}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan jantina
H_{o2}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan tahap pencapaian
$H_{o3:}$ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan tahap aliran pelajaran
$H_{o4:}$ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan lokasi sekolah

Metod Kajian

Kajian berbentuk tinjauan ini (Creswell, 2014) melibatkan seramai 521 orang murid Tingkatan Empat yang dipilih melalui teknik persampelan rawak di sebuah negeri di utara Semenanjung Malaysia. Saiz sampel yang diperolehi dalam kajian ini adalah melebihi berdasarkan jadual penentuan saiz sampel yang diberikan oleh Krejcie dan Morgan, (1970). Instrumen kajian ini ialah soal selidik *Perceptual Learning Style Preferences Questionnaire (PLSPQ)* (Reid, 1984) yang terdiri daripada 30 item yang telah diadaptasi daripada kajian Rosmidah Hashim, (2008) yang telah menterjemahkan instrumen tersebut dari Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah *back to back translation*. Rasional pengkaji memilih instrumen ini adalah disebabkan instrumen tersebut digunakan oleh pihak Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) dalam pembinaan modul belajar cara belajar (PPK, 2001) dan didapati sesuai untuk menentukan jenis kecenderungan gaya pembelajaran dalam kalangan murid berdasarkan rangsangan fisiologikal yang memfokuskan gaya visual, auditori, taktil dan kinestetik, manakala rangsangan sosiologikal yang memfokuskan gaya belajar secara berkumpulan dan secara bersendirian (Adi F. Mahmud, Salwa Muin & Nursina Hamia, 2019; Yeoh, 2017; Marina & Suwattana, 2018; Rosniah Mustaffa, 2007; Norazah Mohd Nordin & Shaari Osman, 2005; Parviz Ajideh, Mohammad Zohrabi & Kazem Pauralvar, 2017). Instrumen tersebut telah disemak dan disahkan oleh dua orang pakar penilai dalam bidang sejarah yang berpengalaman melebihi 15 tahun serta mempunyai nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* iaitu 0.96 yang dianggap baik (Nunnally, 1978). Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t sampel tak bersandar melalui perisian *IBM SPSS*. Interpretasi min dalam kajian ini adalah diadaptasi daripada kajian Jamil Ahmad, (2002) yang membahagikan kepada tga tahap interpretasi seperti ditunjukkan pada Jadual 1.

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 4, Issue 1, (page 82 - 90), 2019

Selain itu, tahap pencapaian murid dalam kajian ini telah ditentukan melalui kriteria yang diberikan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri berdasarkan gred Pentaksiran Tingkatan Tiga bagi mata pelajaran Sejarah yang dianggap sebagai pengagihan yang piawai iaitu murid pencapaian tinggi (Gred A, B dan C) dan murid pencapaian rendah (Gred D, E dan F).

Jadual 1*:* Interpretasi Min dan Tahap

Min	Tahap Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Jamil Ahmad, (2002)

Dapatan Kajian

Jenis kecenderungan gaya pembelajaran fisiologikal dan sosiologikal dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah

Berdasarkan Jadual 2, min kecenderungan gaya pembelajaran secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi (*M*=4.24, *SD*=1.07). Dari segi gaya pembelajaran fisiologikal, min gaya auditori (*M*=4.26, *SD*=1.18) adalah lebih tinggi berbanding dengan gaya gaya visual (*M*=4.17, *SD*=1.22), gaya taktil (*M*=4.21, *SD*=1.17) dan gaya kinestik (*M*=4.24, *SD*=1.14). dari segi gaya pembelajaran sosiologikal pula, min gaya berkumpulan adalah lebih tinggi (*M*=4.30, *SD*=1.19) berbanding dengan gaya bersendirian (*M*=4.28, *SD*=1.16). Justeru, dapat dirumuskan bahawa murid yang mengambil mata pelajaran sejarah mengamalkan gaya pembelajaran auditori dan berkumpulan secara dominan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Dapatan kajian ini adalah konsisten dengan dapatan kajian Rosniah Mustaffa, (2007) dan Norazah Mohd Nordin dan Shaari Osman, (2005) yang telah melaporkan murid-murid di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang *English as Second Language* (ESL) dan pembelajaran komputer paling dominan mengamalkan gaya pembelajaran sosiologikal iaitu gaya berkumpulan. Pendapat ini adalah bertepatan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di dalam kelas yang melibatkan aktiviti perbincangan, pembentangan dan sebagainya yang didapati mempengaruhi gaya dan cara belajar murid yang mengambil mata pelajaran sejarah (Noriati A Rashid, Boon, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, 2009). Sungguhpun begitu, kedua-dua dapatan kajian tersebut adalah bertentangan dari aspek gaya pembelajaran fisiologikal dimana murid-murid tersebut didapati lebih dominan mempamerkan gaya kinestetik malah dalam kajian ini murid yang mengambil mata pelajaran sejarah lebih mengamalkan gaya jenis auditori. Hal ini kerana gaya auditori adalah melibatkan cara belajar secara kuliah, perbincangan, mendengar penerangan dan pendapat orang lain, aktiviti bercerita, membaca teks dengan lantang dan sebagainya yang berkait rapat dengan amalan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru-guru di dalam kelas (Lezah @ Lejah & Rosy Talin, 2018).

Jadual 2: Min Kecenderungan Gaya Pembelajaran

Aspek	Gaya Pembelajaran	Min (*M*)	Sisihan piawai (*SD*)	Tahap
Fisiologikal	Gaya visual	4.17	1.22	Tinggi
	Gaya auditori	4.26	1.18	Tinggi
	Gaya taktil	4.21	1.17	Tinggi
	Gaya kinestik	4.24	1.14	Tinggi
Sosiologikal	Gaya bersendirian	4.28	1.16	Tinggi
	Gaya berkumpulan	4.31	1.19	Tinggi
	Jumlah	4.24	1.07	Tinggi

Perbezaan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan jantina

Berdasarkan Jadual 3, min kecenderungan gaya pembelajaran adalah lebih tinggi bagi murid lelaki (*M*=4.26, *SD*=1.04) berbanding dengan murid perempuan (*M*=4.23, *SD*=1.09). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan (*F*=0.85, *p*=0.36), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 4 telah melaporkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan min kecenderungan gaya pembelajaran [*t*(519)=0.35, *p*=0.73] antara murid lelaki dan murid perempuan. Justeru, H_{o1} telah diterima. Maka, dapat dirumuskan bahawa min kecenderungan gaya pembelajaran adalah sama antara murid lelaki dengan murid perempuan yang mengambil mata pelajaran sejarah. Hasil dapatan kajian ini adalah konsisten dengan dapatan kajian Norazah Mohd Nordin dan Shaari Osman, (2005) yang telah melaporkan bahawa faktor jantina didapati tidak mempengaruhi kecenderungan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar di universiti. Sungguhpun begitu, dapatan kajian ini yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran berdasarkan jantina adalah bertentangan dengan dapatan kajian Siti Wahida Awang dan Fitri Shahwaliah Su'ut, (2016) yang telah melaporkan bahawa murid lelaki dan murid perempuan di sekolah menengah kluster kecemerlangan telah mempamerkan gaya pembelajaran bekerjasama yang dominan. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa faktor jantina didapati melaporkan gaya pembelajaran yang berbeza dalam kalangan murid.

Jadual 3: Statistik deskriptif

Jantina	**N**	***M***	***SD***
Lelaki	240	4.26	1.04
Perempuan	281	4.23	1.09

Jadual 4: Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Min Kecenderungan Gaya Pembelajaran Berdasarkan Jantina

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian *Levene's*		*t*	*df*	*p*	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	F	*p*						Bawah	Atas
Perbezaan Min	0.85	0.36	0.35	519	0.73	0.03	0.94	-0.15	0.22

*Pada aras signifikan 0.05

Perbezaan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan tahap pencapaian

Berdasarkan Jadual 5, min kecenderungan gaya pembelajaran adalah lebih tinggi bagi murid berpencapaian tinggi (*M*=4.66, *SD*=0.91) berbanding dengan murid berpencapaian rendah (*M*=3.97, *SD*=1.08). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan (*F*=2.91, *p*=0.09), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 6 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan min kecenderungan gaya pembelajaran [*t*(519)=-7.63, *p*=0.00] antara murid berpencapaian tinggi dan murid berpencapaian rendah. Justeru, H_{o2} telah ditolak. Maka, dapat dirumuskan bahawa min kecenderungan gaya pembelajaran adalah lebih tinggi bagi murid berpencapaian tinggi berbanding dengan murid berpencapaian rendah yang mengambil mata pelajaran sejarah. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian Siti Wahida Awang dan Fitri Shahwaliah Su'ut, (2016) yang mendapati bahawa murid yang mendapat gred pencapaian yang tinggi dan murid yang mendapat gred pencapaian rendah adalah berbeza dalam kecenderungan gaya pembelajaran murid. Di samping itu, dapatan kajian

ini juga adalah bertepatan dengan dapatan kajian Rasimah, Rohaizad, Yeop dan Anuar, (2008) yang mendapati bahawa murid yang berpencapaian tinggi lebih cenderung melibatkan diri dan sentiasa bersikap berdikari dalam proses pembelajaran di dalam kelas yang telah menyokong dapatan kajian ini secara langsung.

Jadual 5: Statistik deskriptif

Tahap pencapaian	N	*M*	*SD*
Pencapaian rendah	312	3.97	1.08
Pencapaian tinggi	209	4.66	0.91

Jadual 6: Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Min Kecenderungan Gaya Pembelajaran Berdasarkan Tahap Pencapaian

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian *Levene's*		*t*	*df*	*p*	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	F	*p*						Bawah	Atas
Perbezaan Min	2.91	0.09	-7.63	519	0.00	-0.69	0.09	-0.87	-0.51

*Pada aras signifikan 0.05

Perbezaan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan aliran pelajaran

Berdasarkan Jadual 7, min kecenderungan gaya pembelajaran adalah lebih tinggi bagi murid aliran sastera (*M*=4.36, *SD*=1.05) berbanding dengan murid aliran sastera (*M*=4.13, *SD*=1.08). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan (*F*=0.02, *p*=0.97), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 8 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan min kecenderungan gaya pembelajaran [*t*(519)=-2.42, *p*=0.02] antara murid aliran sains dan murid aliran sastera. Justeru, H_{o3} telah ditolak. Maka, dapat dirumuskan bahawa min kecenderungan gaya pembelajaran adalah lebih tinggi bagi murid aliran sastera berbanding dengan murid aliran sains yang mengambil mata pelajaran sejarah. Dapatan kajian ini didapati adalah bertentangan dengan dapatan kajian Ong, Zamri Mohamad dan Hamidah Yamat, (2013) dan Rozalina Khalid et al, (2013) yang telah melaporkan bahawa aliran pelajaran tidak mempengaruhi gaya kecerdasan murid yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu. Sungguhpun begitu, terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang signifikan berdasarkan aliran pelajaran dalam kajian ini adalah bertepatan disebabkan oleh cara belajar murid aliran sains dan sastera adalah berbeza dimana murid aliran sains lebih suka belajar secara eksperimen dengan membuat uji kaji dan membuktikan andaian-andaian tertentu, manakala bagi murid aliran sastera pula lebih dominan mengamalkan gaya pembelajaran yang membolehkan mereka membuat perbincangan untuk menjana idea-idea tertentu (Salovey & Mayer, 1990).

Jadual 7: Statistik deskriptif

Aliran pelajaran	N	*M*	*SD*
Aliran sains	260	4.13	1.08
Aliran sastera	261	4.36	1.05

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 4, Issue 1, (page 82 - 90), 2019

Jadual 8: Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Min Kecenderungan Gaya Pembelajaran Berdasarkan Aliran Pelajaran

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian *Levene's*		*t*	*df*	*p*	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	F	*p*						Bawah	Atas
Perbezaan Min	0.02	0.97	-2.42	519	0.02	-0.23	0.09	-0.41	-0.04

*Pada aras signifikan 0.05

Perbezaan min kecenderungan gaya pembelajaran berdasarkan lokasi sekolah

Berdasarkan Jadual 9, min kecenderungan gaya pembelajaran adalah lebih tinggi bagi murid bersekolah di luar bandar (*M*=4.36, *SD*=1.01) berbanding dengan murid bersekolah di bandar (*M*=4.01, *SD*=1.14). Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* yang tidak signifikan (*F*=1.25, *p*=0.27), keputusan ujian-t sampel tak bersandar dalam Jadual 10 telah melaporkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan min kecenderungan gaya pembelajaran [*t*(519)=-3.57, *p*=0.00] antara murid bersekolah di bandar dan murid bersekolah di luar bandar. Justeru, H_{o4} telah ditolak. Maka, dapat dirumuskan bahawa min kecenderungan gaya pembelajaran adalah lebih tinggi bagi murid bersekolah di luar bandar berbanding dengan murid bersekolah di bandar yang mengambil mata pelajaran sejarah. Dapatan kajian ini adalah bertentangan dengan dapatan kajian Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, (2000) yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran hafalan, perbincangan, latihan dan motivasi dalam kalangan murid yang mengikuti pembelajaran bahawa Arab Komunikasi berdasarkan lokasi sekolah. Walaubagaimanapun, kemudahan teknologi yang baik di sekolah bandar yang membolehkan guru-guru merancang kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai yang memberikan implikasi kepada pembentukan cara belajar murid yang tersendiri dan unik.

Jadual 9: Statistik deskriptif

Lokasi	**N**	***M***	***SD***
Bandar	175	4.01	1.14
Luar bandar	346	4.36	1.01

Jadual 10: Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Min Kecenderungan Gaya Pembelajaran Berdasarkan Lokasi Sekolah

	Ujian-t bagi persamaan min								
	Ujian *Levene's*		*t*	*df*	*p*	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan	
	F	*p*						Bawah	Atas
Perbezaan Min	1.25	0.27	-3.57	519	0.00	-0.35	0.10	-0.54	-0.16

*Pada aras signifikan 0.05

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran sebenar tentang gaya pembelajaran yang diamalkan dalam kalangan murid yang mengambil mata pelajaran sejarah. Gaya auditori dan berkumpulan yang dominan diamalkan dalam kalangan murid-murid sejarah walaupun keenam-enam jenis gaya pembelajaran dalam kajian ini berada pada tahap tinggi. Implikasi kajian ini telah mencadangkan kepada pihak guru, pihak PPK, pihak KPM dan sebagainya untuk membuat pengubahsuaian terhadap kaedah pengajaran sejarah yang diamalkan bagi membolehkan peningkatan pencapaian dan motivasi dapat dilaksanakan secara berterusan, berkualiti dan berkesan seiring dengan perkembangan strategi pembelajaran abad ke-21.

Rujukan

Adi F. Mahmud, Salwa Muin, & Nursina Hamia. (2019). Female Perspective on learning style: English Department Student Universitas Muhammadiyah Maluku Utara. Advances in Social Sciences, Education and Humanities Research, 306, 181-184.

Creswell, J. W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Ed). New Jersey: Pearson Prentice Hall.

Curry, L. (1983). *An Organization of Learning Style Theory and Construct*. Kertas kerja yang dibentangkan di Annual Meeting of the American Educational Research Association 67th Montreal, Quebec, April 11-15 1983. Retrieved from: https;//files.eric.ed.gov./fulltext/ED235185.pdf

Dunn, R., & Dunn, K. (1978). Teaching students through their individual learning styles. Reston: Reston.

Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian*. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Krejcie, V.R., & Morgan, W.D. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychologist Measurement*. Duluth: University of Minnesota.

Lezah @ Lejah Kiamin & Risy Talin. (2018). Kaedah Pengajaran Sejarah yang diminati pelajar dan justifikasinya. Malaysian Journal of Social Sciences & Humanities, 3(2), 137-145.

Marina, M & Suwattana, E. (2018). A correlational-comparative study of students perceptual learning style preferences in learning English as a foreign Language and their academic achievement in cetone academic program for English at Myanmar Institute of Theology. Scholar: Human Sciences, 10(2), 74-84.

Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2000). Kepelbagaian gaya pembelajaran bahasa Arab komunikasi mengikut jantina dan lokasi sekolah. Kepelbagaian Pelajar: Cabaran dan Strategi Pengajaran. Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan. Bangi: Penerbit UKM.

Norazah Mohd Nordin & Shaari Osman. (2005). Gaya pembelajaran komputer guru pelatih kursus penguruan lepas ijazah Maktab Perguruan. Jurnal pendidikan, 30, 151-159

Noriati A Rashid, Boon, P.Y., & Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2009). Murid dan Alam Belajar. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.

Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nd Ed). New York: McGraw Hill.

Parviz Ajidaeh, Mohammad Zahrabi & Kazem Pauralvar. (2017). Investigating the relationship between learning style and ESP reading strategies in academic setting. International Journal of applied Linguistics, 7(3), 156-164.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). Belajar Cara Belajar. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Rasimah, A., Rohaizad, R., Yeop, U., & Anuar, M. (2008). *Students learning styles and academic performance*. 22nd Annual SAS Malaysia Forum. Kuala Lumpur Convention Center.

Reid, J. (1984). Perceptual Learning Style Preferences of ESL Students. *TESOL Quarterly, 21*, 87-111.

Rosmidah Hashim. (2008). Kesediaan Pembelajaran Terarah Kendiri dalam Kalangan Pelajar yang mengambil mata pelajaran ICT di sekolah menengah. Tesis kedoktoran Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak diterbitkan.

Rosniah Mustaffa. (2007). Mengadaptasikan gaya pembelajaran pelajar ESL: Satu kajian kes pelajar Tahun Satu di UKM. Gema Online: Journal of Language Studies, 7(1), 1-32.

Rozalina Khalid, Ahmad Azman Mohktar, Mohd Sofian Omar, Fauzee Abd Latif Kasim,, Yahya Don, Nurul Fatni Abdussyukur, Fatin Azreen Ponajan, Ahmad Mahyuddin, Siti Nor Baya Ghazali, Muhd Hafiz Rosli & Soh, K.G. (2013). The learning style and academic achievement among art and science stream students. *International Journal of academic research in progressive education and development, 2*(2), 68-85.

Salovey, P., & Mayer, J.D. (2002). Emotional Intelligence. *Imagination, Cognition & Personality, 9*, 185-211.

Siti Wahida Awang & Fitri Shahwaliah Su'ut. (2016). Gaya Pembelajaran Pelajar di Sekolah Menengah Kluster Kecemerlangan. *Jurnal Penyelidikan Kent, 1*, 15-28.

Yeoh, L.C. (2017). Investigating of Perceptual Learning Style of CFL Learners: The core of mandarin Classes of university Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM). Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN 2017). Ayer Keroh, Melaka, Malaysia, 1-2 November 2017.